



KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 Jld 2 (ii)
16 Ogos 2018

Semua Staf

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
Kuala Lumpur

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2018
KRITERIA KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI
PENYELIDIK SKIM GRED Q / PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL SKIM GRED N SECARA FLEKSI DI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bil. 3 Tahun 2018 yang telah bersidang pada 8 Ogos 2018 berhubung kelulusan kriteria kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik Skim Gred Q dan Pegawai Penyelidik Sosial Skim Gred N secara fleksi disediakan sebagai garis panduan dalam laluan kerjaya di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

2.0 PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan adalah untuk menerangkan dan menjelaskan mengenai kriteria laluan kerjaya / kenaikan pangkat kepada semua staf di bawah skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik Gred Q dan Pegawai Penyelidik Sosial Gred N di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

3.0 OBJEKTIF / LATABELAKANG

- 3.1 Kriteria kenaikan pangkat ini adalah sebagai garis panduan kepada semua pegawai penyelidik untuk membuat perancangan terhadap laluan kerjaya;
- 3.2 Kriteria ini juga akan dijadikan sebagai pengukur kepada sasaran *Key Performance Index* kepada pegawai penyelidik;
- 3.3 Membolehkan pihak Pengurusan Universiti membuat pemantau dan penilaian secara menyeluruh;
- 3.4 Melalui kriteria ini juga akan membolehkan persaingan dan perkembangan penyelidikan terus berkembang;
- 3.5 Meningkatkan lagi kualiti hasil penyelidikan ke arah memenuhi keperluan industri; dan
- 3.6 Hasil penyelidikan boleh dipaten dan seterusnya boleh menjana sumber pendapatan kepada Universiti.

4.0 KRITERIA KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PENYELIDIK

- 4.1 Berikut adalah kriteria kenaikan pangkat bagi Pegawai Penyelidik Sosial (Skim N) dan Pegawai Penyelidik (Skim Q)
 - a. Kriteria Umum:
 - i. Disahkan dalam perkhidmatan
 - ii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
 - iii. Diperaku oleh Ketua Jabatan
 - b. Kriteria Khas Pegawai Penyelidik Sosial (Skim N)
 - Kriteria adalah sama seperti Pegawai Tadbir (Skim N)- Rujuk Borang UPNM.PEND.HRM.001 iaitu Borang Permohonan Kenaikan Pangkat Staf Kumpulan Pentadbiran (Pengurusan dan Profesional)
 - c. Kriteria Khas Pegawai Penyelidik (Skim Q)

Berikut adalah kriteria khas bagi kenaikan pangkat Pegawai Penyelidik seperti di Lampiran A.

Lampiran A.

BIL.	KRITERIA KHAS	GED Q43/Q44	GED Q47/Q48	GED Q51/Q52	GED Q54
1	Tempoh Perkhidmatan	<p>Telah berkhidmat sekurang-kurangnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 5 Tahun jika Sarjana Muda • 4 Tahun jika Sarjana • 3 Tahun jika PhD 	<p>Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun (Dikira dari tarikh lantikan tetap Gred Q43 / Kenaikan pangkat di Gred Q44.</p>	<p>Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun (Dikira dari tarikh lantikan tetap Gred Q47 / Kenaikan pangkat di Gred Q48</p>	<p>Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun (Dikira dari tarikh lantikan tetap Gred Q51 / Kenaikan pangkat di Gred Q52</p>
2	Kelayakan Akademik	<p>Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan</p>	<p>Memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan</p>	<p>Memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan</p>	<p>Memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan</p>
3	Mencapai Tahap Prestasi Berdasarkan KPI	✓	✓	✓	✓
4	Bebas dari Tindakan Tatatertib	✓	✓	✓	✓
5	Telah Isytihar Harta	✓	✓	✓	✓

6	Menghasilkan Penerbitan Secara Kumulatif: i. Indexed atau ii. Non-indexed atau iii. Indexed/Non-indexed	1	2	4	8
		2	3	6	12
		3	4	8	16
		Geran Penyelidikan (Kumulatif)		RM10,000.00	RM20,000.00
7					
8	Merancang atau Melaksanakan Projek Penyelidikan (Kumulatif)	1	2	3	5
9	Menjadi Penyelidik Utama. *Pegawai Akademik lebih diutamakan untuk memohon geran KPM	-	-	✓	✓
10	Kolaborasi Penyelidikan	-	Sekurang - kurangnya 1 diperingkat tempatan	Sekurang -kurangnya 1 diperingkat tempatan dan 1 peringkat antarabangsa	Sekurang -kurangnya 2 diperingkat tempatan dan 1 peringkat antarabangsa

11	Pembentangan Kertas Kerja Dalam/Luar Negeri	1	2	3	4
12	Pengiktirafan dan Anugerah Inovasi / Rekacipta di Peringkat Jabatan / Negara / Antarabangsa	-	1	2	3
13	Pertimbangan Khas	Jawatankuasa Pilih Kenaikan Pangkat berhad untuk memberi pertimbangan khas pengecualian syarat kepada calon-calon yang memiliki pencapaian yang cemerlang			

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeling ini berkuatkuasa mulai 1 September 2018.

6.0 PENUTUP

Kemudahan ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka kemudahan ini tidak boleh dipanjangkan ke organisasi / badan melantik yang baharu.

Sekian, terima kasih.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan tugas,



SARINA BINTI ABDUL RANI

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Salinan kepada:

1. **Naib Canselor**
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
2. **Timbalan Naib Canselor**
Akademik dan Antarabangsa
3. **Timbalan Naib Canselor**
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
4. **Timbalan Naib Canselor**
Penyelidikan dan Inovasi
5. **Penolong Naib Canselor**
Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat
6. **Penolong Naib Canselor**
Akademik dan Antarabangsa
7. **Pegawai-Pegawai Kanan Universiti**
8. **Dekan-Dekan Fakulti**
9. **Pengarah-Pengarah Pusat**
10. **Pengerusi NADIMASA**
11. **Pengerusi PERINTIS**
12. **Presiden KESUPNA**